

KONSEP

Respite Care adalah perkhidmatan alternatif kepada waris atau penjaga untuk **mendapatkan secara sementara** warga emas dalam jagaannya di premis ini bagi suatu tempoh tertentu kerana bertugas di luar kawasan atau negara atau apa-apa sebab lain. Perkhidmatan *Respite Care* merangkumi jagaan dan perlindungan kepada warga emas disamping pengurusan dan penyediaan keperluan asas seperti makana, kesihatan dan tempat tinggal di premis.

KRITERIA WARGA EMAS DAN WARIS ATU PENJAGA WARGA EMAS

- Berumur 60 tahun dan ke atas (suami/ isteri, adik-beradik, ibu/ bapa, ibu/ bapa saudara, datuk/ nenek, datuk/ nenek saudara).
- Tidak mempunyai penyakit berjangkit.
- Berupaya menguruskan diri sendiri.
- Warganegara Malaysia.

WARIS ATAU PENJAGA

- Waris kepada warga emas (contoh: anak, anak saudara, cucu, suami/ isteri, adik-beradik) ATAU
- Penjaga (keluarga angkat, kawan)
- Warganegara Malaysia.

TEMPOH PENEMPATAN

Tempoh penempatan adalah seperti berikut :

- Minimum - satu hari (1jam - 24 jam); atau
- Maksimum - 30hari atau bergantung kepada kelulusan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

KEMUDAHAN

Institusi menyediakan kemudahan dan lain-lain perkhidmatan kepada Warga Emas yang mendapatkan perkhidmatan *Respite Care* iaitu:

- Kediaman**
Menyediakan kediaman khusus serta dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan asas.

- Perubatan**

Menyediakan perkhidmatan perubatan dan rawatan asas di klinik institusi dengan pemantauan Jururawat Masyarakat bagi tujuan pemeriksaan kesihatan rutin dan keperluan ubatan asas. Rawatan pemeriksaan dan perkhidmatan perubatan lanjut daripada klinik kesihatan dan hospital kerajaan yang berdekatan akan diberikan, jika perlu.

- Fisioterapi**

Kemudahan perkhidmatan dan alat bantuan fisioterapi yang dikendalikan oleh Jurupulih Perubatan Anggota dan Jurupulih Carakerja terlatih, jika perlu/ dibenarkan oleh keluarga.

- Surau**

Mempunyai kemudahan surau yang boleh memuatkan 200 orang jemaah pada satu-satu masa dengan pelbagai aktiviti dan program keagamaan yang dijalankan.

- Dobi**

Perkhidmatan dobi yang diuruskan sepenuhnya oleh kakitangan dan institusi.

- Bilik Riadah**

Kemudahan bilik riadah bagi tujuan sosial dan rekreasi bersama penghuni lain serta pengunjung.

PROGRAM DAN AKTIVITI

Penghuni adalah digalakkan terlibat dengan aktiviti dan program di institusi bersama-sama penghuni lain bagi tujuan pengintegrasian dan mengelakkan kesunyian sepanjang tempoh berada di institusi ini. Antara aktiviti dan program yang boleh diikuti adalah seperti berikut :

- Senaman
- Program keagamaan
- Kemahiran jahitan dan kraftangan
- Berkebun dan Penternakan
- Aktiviti Riadah dan Rekreasi

* Segala perubahan aktiviti adalah tertakluk kepada pengurusan di institusi.

BAYARAN

Kadar bayaran adalah sebanyak **RM 50.00** sehari / semalam bagi seorang.